

01 DEC 1997

DR M: NEGARA LEMAH PENUHI HASRAT KEMASUKAN SYARIKAT-SYARIKAT GERGASI

BANGI, 1 Dis (Bernama) -- Kejatuhan nilai ringgit serta harga barangan yang meningkat berbanding pendapatan menjadikan Malaysia lemah dan seterusnya akan memenuhi hasrat sesetengah pihak supaya pasaran negara ini terbuka kepada syarikat-syarikat gergasi mereka.

"Hari ini kita dapati bank-bank di negara-negara yang sudah menerima bantuan, dibeli oleh bank-bank asing," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pelancaran kereta elektrik pertama negara milik Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM), "Eleksuria" di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata apabila syarikat-syarikat gergasi ini mula memasuki negara ini, mereka akan mengalahkan syarikat-syarikat tempatan dan mengambilalihnya dan seterusnya masyarakat Malaysia akan menjadi hamba dan bekerja untuk orang asing.

Menyoroti masalah yang melanda negara sekarang, katanya sesetengah pihak yang tamak dan kaya telah mengakibatkan matawang negara kini merosot sebanyak 40 peratus berbanding dolar Amerika dan telah sedikit sebanyak menjejaskan pendapatan serta daya beli rakyat Malaysia.

"Mereka jadikan kita miskin dan lemah dan seterusnya tunduk kepada mereka, memaksa supaya negara kita dibuka untuk syarikat-syarikat gergasi mereka dan bank-bank besar mereka," kata Dr Mahathir.

Apabila ini berlaku, segala keuntungan akan diperolehi oleh syarikat-syarikat ini dan rakyat menjadi buruh dan menjadi orang yang bekerja untuk memperkayakan mereka.

"Inilah hasrat mereka. Bank-bank kita akan diambil alih.....dengan itu kita hilang kemerdekaan, tak boleh rancang pembangunan negara serta hanya mengikut telunjuk mereka," tambahnya lagi.

Dr Mahathir berkata beliau bersyukur bahawa rakyat Malaysia telah bersatu padu dan memberi sokongan kepada kerajaan dalam menangani masalah negara sekarang. -- BERNAMA

SHO OS